

## MASALAH KEGANASAN RUMAH TANGGA DAN PENYELESAIANNYA DALAM PANDANGAN MAQASID SYARIAH

Ahmad Bin Muhammad Husni  
Department of Fiqh & usul al-Fiqh,  
Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge & Human Sciences,  
(KIRKHS) International Islamic University Malaysia  
Email: ahmedking@iiu.edu.my

Amin Bin Muhammad Husni  
Kolej Dar al-Hikmah, Sg. Ramal Dalam,  
43000 Kajang, Selangor, Darul Ehsan, Malaysia.

Muhammad Yosef Niteh  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, MALAYSIA  
Email: myosef@kuis.edu.my

---

### ABSTRAK

*Penulisan masalah keluarga pada zaman ini membawa kepada penceraian dan pemunduran keluarga dalam masyarakat; kajian ini berkisar kepada kemunculan masalah sosial yang berpunca daripada isteri yang mempunyai kerjaya di luar rumah yang mana menjadikan dia mengabaikan hak-hak tertentu dan tanggungjawabnya. Selain itu, kes-kes keganasan rumah tangga telah meningkat seperti memukul dan penyalahgunaan lisan dalam segala bentuk. Sehubungan itu, kajian ini terletak dalam membina keluarga bahagia yang merupakan nukleus pertama masyarakat di mana setiap integrasi dan sudut mereka harus dilindungi, dan juga memaparkan peranan maqasid syariah dalam menyelesaikan masalah-masalah keluarga moden; oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengetengahkan hak dan kewajiban antara suami isteri mengikut undang-undang Islam, dan mengenal pasti punca dan dorongan yang membawa kepada kewujudan masalah ini serta bagaimana untuk menyelesaikannya dari perspektif maqasid syariah. Kajian ini menggunakan pendekatan induktif dan analitikal serta melihat kepada mazhab Islam, dan membincangkan pandangan para fuqaha dalam menjelaskan peranan mereka dalam isu ini, dan membicarakan isi-isi persetujuan dan perselisihan, dan kemudiannya menganalisis teks dan isu-isu dalam pandangan maqasid syariah. Hasil kajian menunjukkan bahawa sebab utama munculnya masalah keluarga ialah kurangnya pengetahuan pasangan suami isteri tentang hak dan kewajiban serta keperluan mematuhi. Tambahan lagi, kerjaya seorang isteri adalah dibenarkan tetapi mempunyai had dan larangannya yang tidak bertentangan dengan maqasid syariah, dan isteri yang berkerja perlu mengimbangi antara kerjaya dan memberikan perhatian pada hal-hal keluarga, dan ianya juga menunjukkan bahawa keganasan rumah tangga dalam keluarga itu adalah bertentangan dengan maqasid syariah yang jelas bersandarkan pada kasih sayang dan belas kasihan antara pasangan dan setiap yang berlaku itu adalah akibat kejahilan tentang rahsia syariah dalam pembentukan keluarga; dan ianya adalah wajib kepada setiap daripada mereka untuk mematuhi ajaran syariah dan berpegang kepada maqasidnya (tujuan) dan mengimplementasikannya dalam kehidupan berkeluarga, dengan ini, kehidupan berkeluarga akan berkekal dalam ketaatan Allah SWT.*

**Kata Kunci:** Keganasan, Masalah, Rumah Tangga, Kerjaya Dan Maqasid Syariah

---

### MUKADDIMAH

Walaupun keganasan rumah tangga telah bertapak dalam masyarakat sejak dahulu lagi, namun perbincangannya adalah tidak sehebat hari ini. Ini adalah disebabkan pelbagai faktor, contohnya globalisasi isu keganasan dan usaha mencari penyelesaian global masalah tersebut, walaupun sekiranya penyelesaian ini tidak selari dengan kepercayaan agama di sesetengah negara, seperti isu memukul isteri, kelahiran tanpa kawalan, poligami dan beberapa isu lain yang cuba ditimbulkan syak oleh sesetengah pihak demi menolak mengambil jalan keluar dengan syariah dalam mencari penyelesaian akan tetapi menggantikan syariah dengan undang-undang ciptaan manusia. Selain itu, beberapa persatuan dan organisasi wanita dunia memperjuangkan hak-hak wanita, termasuklah isu-isu keganasan berkaitan wanita dalam keluarga dan juga masyarakat. Sesetengah kumpulan wanita ini mempersoalkan kesahihan undang-undang Islam dan menuntut pengubahsuaian terhadap beberapa hukum yang menggalakkan keganasan di mata mereka. Sekali lagi, faktor lain adalah penyebaran media dan keterbukaan media yang memfokuskan kepada keganasan ini dan menonjolkan beberapa kes yang berlaku dari semasa ke semasa. Tambahan lagi, terdapat kelemahan dalam ulama Islam, institusi budaya dan pendidikan dalam mempamerkan kebenaran undang-undang Islam dan tujuannya dalam membina keluarga Muslim dan kerjasama antara ahli-ahlinya, serta untuk mengatasi tradisi dan adat yang menyelubungi nilai Islam yang sebenar dalam kebanyakan masyarakat Islam, dengan menyebarkan tanggapan yang salah berkaitan Islam sama ada dengan sengaja atau pun tidak kerana kejahilan. Bahagian ini akan menjelaskan beberapa isu berkaitan maqasid syariah tentang keganasan oleh suami terhadap isteri dan sebaliknya, dan keganasan terhadap kanak-kanak, warga tua dan pembantu rumah.

## **Konsep Keganasan Secara Literal dan Teknikal, Sebab-Sebab Serta Jenisnya**

Definisi keganasan secara literal: keganasan dalam bahasa Arab merujuk kepada sesuatu yang tidak terpuji dan amat tidak digalakkan oleh Syariah, kerana syariah mendorong kepada kebaikan, kesederhanaan, dan kelembutan manakala keganasan adalah sebaliknya. Keganasan merujuk kesengsaraan dan kekurangan belas kasihan (Razi, 1999). Difahami dari takrif ini jika seseorang memerintahkan yang lain untuk melakukan sesuatu melebihi kemampuan yang diarahkan tersebut, ini dianggap sebagai suatu keganasan yang dilarang dalam Islam. Dan mengapa tidak, jika seekor unta iaitu haiwan boleh enggan berada di negara lain, begitu juga sebaik-baik manusia yang telah diberi penghormatan dari tujuh langit untuk tidak bersetuju dengan apa yang tidak selari dengan pembawaan dan sifat beliau. Dan salah satu maksud keganasan ialah menggunakan kuasa fizikal dengan niat untuk mencederakan orang lain; dan ini berkemungkinan berlaku kerosakan material melalui penggunaan kuasa fizikal secara memukul atau mental melalui penghinaan yang disengajakan.

### **Definisi Teknikal Tentang Keganasan**

“Keganasan adalah satu ekspresi kuasa yang dikenakan untuk memaksa individu atau kumpulan tertentu untuk melakukan sesuatu tindakan atau perbuatan yang diperlukan oleh seseorang individu atau kumpulan lain; keganasan adalah gambaran keganasan dalam kaedah pukulan, pemenjaraan atau kematian, atau satu bentuk tekanan sosial” (Muhammad, 1990). Perlu diingat dalam definisi ini bahawa terdapat hubung kait rapat antara definisi literal dan teknikal, dan difahami juga daripada definisi ini keganasan ialah perbuatan dan paksaan yang berat terhadap seseorang atau beberapa orang untuk melakukan sesuatu yang mereka tidak mampu; juga difahami bahawa keganasan mungkin dengan pukulan, pemenjaraan atau kematian, dan kesemuanya adalah jenis-jenis keganasan. Disimpulkan bahawa sebarang individu yang memaksa keluarganya untuk melakukan perkara yang mereka tidak mampu dianggap sebagai suatu keganasan, dan begitu juga dengan wanita yang dipaksa oleh suaminya untuk melakukan apa yang dia tidak mampu atau pasangan yang melayan anaknya dengan teruk dan dengan apa yang dia tidak mampu.

### **Punca-punca Keganasan Rumah Tangga**

Salah satu sebab utama yang membawa kepada keganasan ialah sosialisasi, seperti kewujudan pertikaian perkahwinan yang berterusan dan kurangnya rasa hormat kepada yang lain atau kawalan ibu bapa terhadap pasangan, atau kawalan abang terhadap saudaranya yang lebih muda, dan kegagalan dalam memenuhi keperluan asas seorang wanita boleh menjurus kepada penciptaan kelakuan ganas atau agresif, dan kekurangan kasih sayang dan keghairahan terhadap wanita juga boleh membawa kepada perlakuan ganas. Keganasan rumah tangga adalah hasil daripada tabiat dalaman terkumpul yang berkembang sejak zaman kanak-kanak dan remaja, di mana kebiasaan memberikan layanan yang teruk dan ganas dengan tujuan mendidik tentang kekasaran dan kekejaman hidup, terutamanya di kampung-kampung dan puak masyarakat yang didominasi oleh nilai-nilai warisan, ianya ialah persekitaran dalaman dan luaran yang membuatkan manusia kehilangan kepercayaan paling penting beliau iaitu kepercayaan untuk mengurus emosi dan kawalan kuat, Rasulullah (saw) berkata: “Kekuatan bukanlah dilihat dalam perlawanan pergaduhan tetapi di dalam mengawal diri ketika marah” (Ibn Hajar, 2001). Keganasan rumah tangga berpunca daripada pelbagai sebab, dan kita akan menyatakan sebab yang paling utama yang meluas dalam masyarakat:

- Kelemahan iman dan pendidikan Islam dalam pengetahuan tentang hukum membina sebuah keluarga.
- Asuhan teruk yang diterima suami daripada persekitarannya, masyarakat dan keluarga yang mengajar tentang keganasan; ianya adalah seperti suatu kebiasaan dalam rumah dalam setiap keluarga. Kemungkinan suami terdedah kepada keganasan semenjak kecil, membuatnya menyimpan dalam fikirannya dan membawa kepada kecenderungan melakukan keganasan di masa akan datang. Kepercayaan bahawa memukul isteri akan menjadikannya lebih baik, atau untuk membuktikan kelelakian dan martabat seorang suami, dan memukul akan membuatkan isteri lebih taat kepada suami dan untuk melaksanakan perintah-Nya.
- Kehadiran amarah dan kerisauan dalam jiwa dan kompleksiti.
- Masalah ekonomi seperti pengangguran, kemiskinan dan kesukaran hidup, terutama sekiranya ini berlaku kepada mereka yang kurang sabar, tidap puas hati dan kurang kepuasan; dan perkara lain yang meningkatkan tekanan psikologi dan masalah; dan mereka yang sentiasa cuba mencari penyelesaian dengan keganasan dalam keluarga.
- Ketidakseimbangan antara pasangan dari aspek intelektual, terutama di pihak wanita apabila dia lebih berpendidikan dan suaminya sedikit jahil, dan kemudian sang suami cuba menggunakan kuasa, paksaan, dominasi dan keganasan kepada isteri.
- Mengambil alkohol dan dadah, statistik menunjukkan bahawa sebahagian besar keganasan berlaku apabila salah seorang pasangan mengambil dadah atau alkohol.
- Cemburu yang keterlaluan daripada iseri kepada yang lain, dan ia menjadi lebih teruk apabila ianya datang daripada kedua-dua belah pihak dan tiada seorang daripada mereka yang rasional (Qara Dagi, 2011).
- Ketidakpatuhan isteri kepada perintah suami dan kebanyakan keganasan yang berlaku adalah disebabkan ini selain kedegilan yang merupakan salah satu aspek keingkar (Turaif, 2005).

- Pengaruh media yang menunjukkan adegan keganasan, termasuklah menonton filem ganas; kajian telah membuktikan bahawa teori ini salah kerana media yang memaparkan amalan ganas tidak ditujukan untuk individu itu seperti mana ia mendorong dan menggalakkan beliau mengamalkan kelakuan ganas (Qara Dagi, 2011).
- Tidak menghiraukan pelaku dan memandang rendah kepadanya di hadapan orang lain, sehingga memaksanya membalas dendam demi maruahnyanya; contoh tingkah laku provokatif; bertengkar dengan suami dan tidak menghormati idea-ideanya dan mengkritik secara sinis tindakannya di hadapan orang lain, boleh membawa kepada provokasi oleh orang luar, dan ini boleh menaikkan kemarahan suami dan memaksanya untuk menyerang isterinya sebagai membalas dendam dengan memukul; suatu pasangan menyebut alasan mereka kerana memukul isteri dengan mengatakan "isteri saya menghina saya dihadapan orang lain". Contoh provokasi lain ialah provokasi anak-anak terhadap kedua ibu bapanya di mana mereka mengabaikan pembelajaran mereka, atau membuat bising di rumah ketika ibu bapa mahu berdiam diri dan berehat, atau ketika menganiaya adik-beradik mereka, atau mereka enggan mematuhi dalam melaksanakan urusan agama (Turaif, 2005).
- Kengganan isteri untuk melakukan hubungan intim ketika suaminya meminta; dan isu ini telah mendapat amaran daripada Nabi (saw): "Sekiranya seorang suami memanggul isterinya untuk keperluannya, maka isteri perlu hadir kepada suaminya." (Tirmidhi, 1999).

Sebab mengapa wanita enggan mendatangi suaminya pada hari ini adalah sedikit berbeza dengan masa lalu, terutama wanita berkerjaya yang menderita di dalam dan di luar rumah, yang mana meningkatkan tekanan psikologi dan membebaskan keupayaan fizikal mereka, dan membuatkan mereka menahan diri daripada suami masing-masing pengaruh kelesuan dan keletihan bekerja. Ini adalah punca utama keganasan rumah tangga dan ianya berkait antara satu sama lain dalam mewujudkan kerumitan; krisis ekonomi dalam keluarga dan kesukaran hidup yang dihadapi keluarga sering membawa kepada kemunculan pertikaian keluarga yang mendorong kepada pergolakan psikologi dan mental dalam kalangan ahli keluarga, dan berkemungkinan memusnahkan mereka.

### Jenis-jenis Keganasan Rumah Tangga

Terdapat pelbagai jenis keganasan rumah tangga, ini termasuk fizikal yang mempunyai kesan yang ketara dan mental yang tidak meninggalkan sebarang kesan jelas kepada badan, akan tetapi meninggalkan kesan kepada minda.

**Pertama:** keganasan fizikal: ianya adalah dalam pelbagai jenis seperti pukulan, pembakaran, penggunaan senjata dan lain-lain.

**Kedua:** keganasan psikologi: sebarang niat jahat dan keganasan psikologi yang tidak mempunyai apa-apa kesan fizikal, seperti menjerit, penghinaan, dimalukan, keganasan seksual dan lain-lain. Dan ini sering memusnahkan keperibadian manusia dan menjejaskan keyakinan diri, dan memberi kesan kepada hidup mangsa di masa akan datang.

**Ketiga:** keganasan ekonomi: ini adalah termasuk monopoli, permintaan untuk mendapat gaji dan larangan kepada isteri untuk memiliki apa-apa.

### Masalah keganasan rumahtangga dan penyelesaiannya bersandarkan kepada maqasid shariah:

#### Keganasan terhadap isteri dan penyelesaiannya di dalam maqasid shariah:

Islam menyanggungi maruah wanita sebagai seorang ibu dan isteri sama seperti ketika dia masih kecil; penghormatan ini telah ditunjukkan dalam beberapa perkara, termasuk:

- Mencari seseorang isteri yang baik adalah merupakan punca kearah kebahagiaan di dalam kehidupan. Seperti yang telah diceritakan daripada Rasulullah (saw) Nabi (saw): (tiga perkara adalah kebahagiaan manakala tiga perkara lagi adalah kesengsaraan; sebuah kebahagiaan adalah wanita yang soleh, apabila anda melihatnya dia mengagumkan anda dan apabila anda berjauhan anda mengamanahkan beliau pada dirinya dan kekayaan anda)(Razi, 1999).
- Kebebasan terhadap wanita untuk memilih calon suami yang disukainya kerana Islam tidak memaksa mereka untuk tinggal dengan seseorang yang mereka tidak sukai. Rasulullah (saw) bersabda: (seseorang wanita yang telah berkahwin (bercerai, balu) seharusnya tidak dikahwinkan sehingga dilakukan rundingan dengannya, dan seseorang wanita yang masih belum berkahwin tidak boleh dikahwinkan sehinggalah mendapat persetujuan dari mereka (HR. Tarmizi, 1999).
- Perintah yang diturunkan terhadap suami untuk memberikan layanan yang baik terhadap isteri mereka dengan persaan cinta dan belas kasihan adalah untuk menentang kezaliman dan ketidakadilan. Rasulullah (saw) bersabda yang bermaksud: (Sebaik-baik kalian, adalah orang yang paling baik terhadap keluarganya, dan Aku adalah orang yang paling baik terhadap keluargaku (HR. Tarmizi, 1999).
- Hal ini jelas menunjukkan penghormatan yang diberikan oleh Islam terhadap para isteri; tetapi kenyataan yang menyebutkan bahawa Islam membenarkan suami memukul isteri dan menggauli mereka tanpa keizinan mereka sebagai galakan terhadap keganasan keatas wanita, dan ianya adalah sangat tidak boleh diterima dan boleh disangkal dengan perkara-perkara yang berikut:

**Isu yang pertama:** memukul isteri; sesetengah orang Muslim menyalahgunakan kebenaran yang diberikan oleh Islam untuk memukul isteri mereka dengan cara yang lembut di dalam beberapa kes-kes yang melampaui batas untuk melakukan keganasan yang tidak dibenarkan terhadap isteri-isteri mereka dengan berpegang kepada ayat al-Quran di dalam Surah an-Nisa: (Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil), pulaukanlah mereka di tempat tidur, (kalau juga mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan yang ringan yang bertujuan mengajarnya); kemudian, jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkannya. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar. (Qur'an, Nisa, 34: 4). Ibn Abbas berkata: berpaling dari mereka dan tidak bersama mereka, manakala Mujahid berkata: elakkan tidur dengan mereka, Ibn Jubair pula berkata: ianya adalah penghijrahan daripada berkata-kata: yang bermaksud tidak bercakap dengan mereka. Dan bagi perkataan "di atas katil" Abu Al-baqa memberikan dua pandangan:

**Pertama:** mengelakkan daripada tidur bersama mereka dan tidak menolak untuk bercakap dengan mereka.

**Kedua:** ia bermakna 'musabab', yang bermaksud hijrah dari tempat tidur, seperti yang dikatakan: terdapat denda dalam jenayah ini (Razi, 1999).

Penawarnya dalam pandangan syariah adalah keganasan terhadap isteri dan memukulnya dengan teruk adalah menyalahi tujuan syariah yang bersandarkan pada kasih sayang dan belas kasihan antara pasangan suami isteri; oleh itu, suami perlu mengingati azab Allah (swt) apabila melakukan penindasan terhadap isteri, dan salah satu tujuan syariah adalah untuk perlindungan jiwa, dan serangan kepada tubuh badan secara teruk dianggap penyalahgunaan tujuan sebenar syariah. Hujah-hujah untuk melepas diri daripada memukul teruk isteri dijelaskan dalam dua hadis berbeza: Nabi (saw) bersabda: (Salah seorang daripada kamu mungkin bertindak melulu dalam memukul isteri kamu seperti hamba dan mungkin juga memerlukan dia pada hujung hari kamu" (Ibn Hajar, 2001). Dalam hadith lain: (mengapa mesti salah seorang daripada kamu memukul isteri kamu dan kemudian kamu memeluknya" (Ibn Hajar, 2001).

Oleh yang demikian, memukul isteri adalah bertentangan sekali dengan tujuan syariah dan bimbingan serta ajaran yang dibawa Rasulullah (saw).

Dan kewajaran yang diberikan untuk memukul isteri adalah tidak benar kerana ayat al-Quran ini menekankan kepada isteri-isteri yang ingkar dan degil; dan pada dasarnya isteri yang ingkar merujuk kepada isteri yang meninggikan suara terhadap suami, tidak mentaati suaminya, memarahi suaminya dan keluar tanpa keizinannya (Ibn Manzur, 1994). Oleh yang demikian, kita tidak boleh terlalu bergantung dengan ayat ini untuk menjelaskan kewajaran untuk memukul isteri kerana memukul adalah merupakan penyelesaian kepada sesuatu kes yang dikecualikan. Ayat ini tidak memberikan keizinan kepada suami untuk menggunakan kekerasan terhadap isterinya tetapi sebaliknya memberikan panduan untuk menyelesaikan masalah dan mengekalkan keutuhan sesebuah keluarga. Panduan-panduan ini haruslah mengikut aturannya; yang mana bermaksud adalah tidak dibenarkan untuk membuat sebarang keputusan tanpa mengikut kronologi yang telah ditetapkan; Langkah-langkahnya adalah seperti yang dibawah:

- a. Menasihati dengan lembut dengan menunjukkan kasih sayang. Dalam keadaan ini, si suami bolehlah meminta pertolongan daripada seseorang yang boleh mempengaruhi isterinya dan mengetahui punca yang menyebabkan ketidakpatuhannya dan seterusnya menasihati dan memberikan panduan kepadanya akan apa yang akan memberikan kebaikan di dalam perkahwinannya. Nasihat ini boleh datang daripada ibu bapa atau orang-orang sekeliling atau juga daripada ahli psikologi yang mempunyai kepakaran di dalam bidang ini.
- b. Pengasingan di tempat tidur. Adalah telah disebutkan di dalam tafsir al-Mannan: perkara yang ingin dicapai dengan melakukan pengasingan di tempat tidur atau pengasingan tempat tinggal mungkin tidak boleh dicapai, kerana pertemuan di tempat tidur boleh menyatukan perasaan pasangan yang berkahwin dan membuatkan mereka merasa selesa bersama, dan akan menyebabkan salah faham yang terjadi hilang sama sekali, jadi, sekiranya suami mengabaikan isterinya maka di dalam keadaan ini, isteri tersebut boleh bertanyakan kepada suaminya sebab di atas kelakuannya dan seterusnya mencapai persetujuan bersama. (Ridha, 1999).
- c. Pukulan yang tidak keterlaluan; dan mengelakkan daripada memukul bahagian muka dan tempat-tempat yang boleh dilihat; dan tidak memukulnya melainkan ianya berkaitan dengan keingkarannya, dan dia tidak boleh memukul untuk mewakili Allah (swt) seperti dalam perkara solat mengikut kata para ulama (Kuwait Encyclopedia of Jurisprudence, 1983).

Maka, maksud memukul disini adalah memukul dengan keadaan yang tidak keterlaluan, dan sesetengah ulama mengatakan memukul hanyalah dengan menggunakan siwak, ataupun kayu kecil

**Isu yang kedua:** Suami yang menggauli isteri tanpa kerelaan daripada isterinya: Islam menetapkan beberapa syarat untuk memastikan keharmonian di dalam hubungan seksual tercapai, apabila Rasulullah (saw) bersabda: "Demi Rabb yang jiwaku berada di tangan-Nya. Tidaklah seorang suami memanggil isterinya ke tempat tidurnya lalu ia menolak ajakannya melainkan Rabb yang di langit dalam keadaan murka terhadapnya hingga suaminya redha kepadanya" (Muslim, 2013). Baginda menyatakan demikian terhadap isteri yang tidak mempunyai sebab yang kukuh; tetapi sekiranya terdapat alasan seperti sakit, tertekan atau apa jua sebab yang kukuh seperti datang bulan, isteri yang baru baersalin, seseorang suami haruslah mengambilkira keadaan tersebut dan tidak memaksa isterinya untuk bersama semasa tempoh-tempoh seperti yang telah dinyatakan di, kerana Allah (swt) berfirman: ("Mereka bertanya kepada tentang haid. Katakanlah: Haid adalah suatu kekotoran: Oleh kerana itu, jauhilah isteri pada waktu haid dan janganlah kamu mendekati mereka sebelum mereka suci. Apabila mereka sudah suci, campurilah mereka sesuai dengan (ketentuan) yang diperintahkan Allah kepadamu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertaubat dan menyukai orang-

orang yang menyucikan diri.”) (Qur’an, Baqarah, 2:222), dan di dalam hadis sabda Rasulullah (saw): “mendengar kata Dan taat kepada suami adalah wajib kepada setiap wanita Muslim yang berkahwin selagi mana suaminya tidak mengarahkannya melakukan sesuatu yang berdosa ; apabila diminta melakukan dosa, dia seharusnya tidak mendengar dan tidak mematuhi” (Tirmidhi, 1 999). Dan juga perkara yang boleh menyakiti mereka, dan terdapat satu bidalan yang menyatakan : “jangan menyakiti, jangan menyakiti”.

Perkara ketiga: mengeluarkan kata-kata penghinaan dan mendera isteri serta merendahkan martabatnya adalah sangat bertentangan dengan maqasid shariah yang menekankan terhadap perlindungan ke atas maruah seseorang manusia, Allah (swt) berfirman: (Sesungguhnya kami telah memuliakan anak-anak Adam). Orang-orang Muslim mempunyai etika-etika tersendiri yang telah ditetapkan oleh agama mereka ketika berurusan dengan wanita, dan semua orang Muslim haruslah peka dengannya, dan hati mereka haruslah dipenuhi dengan perasaan belas kasihan dan kebaikan terhadap kaum wanita (Abu Shaqqah, 2009).

Prof. Dr. Hossam berkata: Kami percaya bahawa apa yang dilarang oleh undang-undang di dalam agama Islam adalah untuk menghalang ketidakadilan dan diskriminasi terhadap kaum wanita , yang mana akan mengabaikan haknya atau merendahkan maruahnya, dan tidak terdapat sebarang hak untuk kaum lelaki melakukan diskriminasi dan melakukan sesuatu yang tidak adil terhadap kaum wanita di Islam, tetapi difikirkan boleh oleh orang-orang yang tidak berfikir secara waras atau hanya menggunakan sebab-sebab peribadi, ataupun mereka yang tidak memahi erti sebenar, mereka yang tidak memahami kewujudan perbezaan semulajadi yang membawa kepada berpezaan di dalam pemerintahan, pekerjaan dan juga hak di dalam kehidupan, dan setiap apa yang mereka lakukan adalah bertentangan dengan hal ini, sama ada disebutkan oleh musuh ataupun rakan yang tidak mempunyai kesedaran, ianya adalah berasaskan kepada bukti kepada bantahan ke atas hak-hak wanita islam dan juga tanggungjawab mereka. (Afanah, 2007).

### **Keganasan yang dilakukan oleh isteri terhadap suaminya dan penyelesaiannya di dalam maqasid shariah**

Keganasan isteri terhadap suaminya: terdapat beberapa jenis keganasan yang dilakukan oleh isteri terhadap suaminya di dalam sesebuah keluarga, bentuk-bentuk keganasan tersebut adalah seperti berikut:

- Keganasan fizikal dengan membunuh atau memukul, penipuan secara sengaja, penderaan dan juga fitnah.
- Keengganan untuk tidur bersama disebabkan oleh perasaan benci ataupun ketidakhirauan, atau sebagai cara untuk memalukan.
- Menghasut anak-anak untuk menentang si bapa mereka dengan berbohong kepada mereka akan sesuatu yang akan merosakkan imej si suami di hadapan anak-anaknya
- Berusaha untuk melemahkan semangat nya, dengan menuduhnya sebagai seseorang yang gagal dan menyakitinya sekiranya dia lemah (Suzan Mashhadi, [www.alarabiya.net](http://www.alarabiya.net)).

### **Keganasan yang dilakukan oleh isteri terhadap suaminya dan penyelesaiannya dengan berpandukan kepada maqasid shariah**

Memukul suami: adalah sangat mengejutkan sekiranya seseorang isteri itu didapati memukul suaminya kerana wanita diketahui umum sebagai kaum yang lemah bilamana dibandingkan dengan lelaki, dan secara fizikalnya lelaki dilihat mempunyai lebih kekuatan berbanding wanita, walaubagaimanapun kajuain menunjukkan fenomena isteri memukul suaminya terjadi kepada sesetengah keluarga. Dan apa yang mengesahkan kekerasan terhadap suami ini menjadi semakin buruk apabila tertubuhnya satu organisasi untuk para suami yang telah dikasari, yang mana adalah merupakan pertubuhan pertama dalam jenisnya, disamping penubuhan pusat perlindungan pertama yang dikhaskan untuk golongan suami yang ditindaas oleh isteri mereka di Tunisia (BBC Arabic, 21 September 2007, <http://news.bbc.co.uk/hi/arabic/news>).

Terdapat banyak factor yang mengundang kepada keganasan yang dilakukan oleh isteri terhadap suaminya, di antara perkara-perkara tersebut adalah : wanita mengahwini lelaki yang woman’s marriage to a tidak bertanggungjawab, di mana si isteri menggalas tanggungjawab untuk menyara isi rumah dan keluarga dengan menyediakan semua kelengkapan dan peranan membesarkan anak-anak juga terletak pada bahu mereka.

### **Masalah keganasan terhadap isteri dan penyelesaiannya bersandarkan kepada pandangan daripada maqasid shariah:**

**Pertama:** bertujuan untuk melindungi agama, pada masa yang sama juga untuk mengukuhkan kepercayaan terhadap Allah (swt) di dalam mencari petunjuk di dalam hati setiap insan, dan merobohkan masyarakat yang tidak memberikan focus untuk mematuhi petunjuk yang diberikan dengan sebaiknya yang mana seharusnya berfungsi untuk memastikan ketepatan di semua hal di dalam kehidupan mereka.

Isteri-isteri dari kalangan orang islam seharusnya mempunya perasaan gentar terhadap Allah (swt) dan mentaati suaminya, dengan tidak memukul mereka, seperti yang telah dibincangkan bahawa ianya adalah sangat bertentangan maqasid shariah yang mana adalah berasaskan kepada perasaan cinta dan belas kasihan terhadap pasangan mereka.

**Kedua:** keganasan terhadap suami juga adalah jelas sangat bertentangan dengan shariah di mana shariah memerintahkan isteri untuk taat kepada suaminya. Seperti yang telah diceritakan oleh Abdurrahman bin Auf, Rasulullah (saw) bersabda: “ seandainya seseorang wanita itu solat lima waku sehari semalam, berpuasa di bulan Ramadhan, menjaga auratnya, mentaati suaminya, dia boleh memilih untuk: masuk syurga melalui mana-mana pintu yang diingini (Hanbal, 2001).

**Ketiga:** keganasan terhadap suami adalah bercanggah dengan shariah yang menyeru wanita untuk menghormati suaminya kerana kedudukan suami yang mempunyai hak ke atas isterinya, seperti yang telah diceritakan di dalam hadis oleh Abu Hurairah daripada Rasulullah (saw) bersabda: “Sekiranya aku boleh menyuruh seseorang sujud kepada manusia, nescaya aku akan menyuruh isteri sujud kepada suaminya” (Riwayat Imam Tirmizi, 1999).

**Keempat:** Keganasan terhadap suaminya adalah merupakan satu bentuk penghinaan kepada maruah seseorang lelaki, salah satu tujuan shariah adalah untuk melindungi maruah seseorang manusia.

### **Masalah keganasan di dalam rumah tangga terhadap kanak-kanak dan cara untuk menyelesaikannya berpandukan kepada maqasid shariah**

Islam menolak penderaan terhadap anak-anak di dalam institusi kekeluargaan dan menyarankan untuk menggunakan kelembutan terhadap mereka dengan tidak menggunakan sebarang bentuk kekasaran seperti yang telah disebutkan di dalam hadis daripada utusan Allah iaitu Rasulullah (saw): “berlemah lembutlah dan berhati-hati dengan keganasan dan kekasaran” (Ibn Hajar, 2001).

### **Keganasan terhadap kanak-kanak dan penyelesaiannya berpandukan kepada maqasid shariah**

Di bawah adalah bentuk keganasan terhadap kanak-kanak:

**Gangguan emosi atau menyakiti mereka:** akan menyebabkan gangguan terhadap sosial dan psikologi kanak-kanak, seperti meniadakan hak mereka untuk bermain, disayangi menafikan perasaan belas kasihan terhadap mereka; Islam menolak bentuk keganasan seperti ini kerana menurut Rasulullah (saw) kita haruslah mempunyai perasaan belas kasihan terhadap kanak-kanak dan memberikan layanan yang baik terhadap mereka. Bukti yang paling baik di dalam perkara ini adalah seperti yang telah diceritakan oleh Abu Hurairah bahawa Aqra bin Habis melihat Rasulullah (saw) mencium Hassan dan dia lalu berkata: (Aku mempunyai sepuluh orang anak tetapi aku tidak pernah mencium seorang pun dari mereka, lalu Rasulullah (saw) memandangnya dan bersabda: sesiapa yang tidak mempunyai perasaan belas kasihan juga tidak akan menerima perkara yang sama (Ibn Hajar, 2001) kerana tujuan shariah adalah untuk memberikan penjagaan yang baik di dalam membesarkan anak-anak dan tidak sekali-kali mengabaikan mereka.

**Isu untuk mendisiplinkan anak-anak:** Disiplin adalah merupakan konsep yang asas di dalam pembelajaran, yang mana merupakan suatu keperluan di dalam kehidupan setiap kanak-kanak, dan perkara tersebut adalah merupakan hak kanak-kanak berdasarkan hadis dimana Rasulullah (saw) bersabda: “Sekiranya kamu mendapat anak, hendaklah kamu memberikannya nama-nama yang baik dan mendisiplinkannya” (Baihaqi, 2003). Rasulullah (saw) juga bersabda: “bahawa mengajar adab terhadap seseorang anaknya dengan memukulnya dengan rotan, terlebih baik dari berbuat sedekah” (Tirmidhi, 1999).

**Gangguan seksual dan membahayakan mereka:** adalah merupakan satu bentuk penderaan fizikal, dan Islam telah datang untuk melindungi maruah yang mana adalah merupakan salah satu daripada lima keperluan, dan menghalang serangan ke atas mereka serta mengenakan hukuman ke atas sesiapa yang mengingkarinya.

Negara-negara telah memutuskan untuk meletakkan undang-undang dan menetapkan pampasan untuk kelakuan kejam ini, dan kita semua sedia maklum bahawa penjara dan pampasan adalah tidak mencukupi untuk membayar harga ganti rugi kepada tragedi seperti ini, dan ianya juga tidak cukup untuk mencegah penjenayah. Oleh yang demikian, terdapat cadangan untuk menggunakan undang-undang Islam di dalam kes-kes sumbang mahram, yang mana bermula daripada hukuman untuk zina berdasarkan kepada pandangan Imam Ahmad, Malik and Shafi'i, dan hukuman untuk pembunuh berdasarkan kepada pandangan Imam Ahmad di mana dia berkata: “dia mungkin boleh dibunuh dan hartanya akan diambil dan diberikan kepada baitul Mal, kerana seperti yang telah diceritakan oleh Barra yang mana dia berkata: aku berjumpa bapa saudaraku memegang panji, aku: Kamu ingin kemana? Dia kemudiannya berkata: Rasulullah (saw) telah menghantar aku kepada seorang lelaki yang melakukan zina dengan ibu tirinya setelah kematian ayahnya, untuk memenggal lehernya dan merampas segala harta-hartanya (Abu Shamah, 2005). Ibn Qayyim menyebutkan satu kejadian yang terjadi semasa zaman Hajjaj di mana dia berkata: “Salih bin Rashid memberitahu kami bahawa: seorang lelaki telah di bawa ke Hajjaj atas sebab morogol adiknya dan dia berkata: ikat dia dan tanyakan kepada orang-orang disitu yang manakah merupakan sahabat kepada Rasulullah (saw), mereka lalu bertanya kepada Abdullah bin Mutraf dan dia lalu berkata: Aku mendengar Rasulullah (saw) bersabda: Keganasan dengan memukul: Keadaan di mana seseorang ibu memukul anaknya adalah berpunca daripada banyak sebab: 1- Suami menggunakan kekerasan terhadap isterinya dan si isteri pula bertindak balas dengan membalas nya ke atas anak-anak. 2- kekurangan perasaan keibuan tentang keperluan anak-anak yang berterusan berubah mengikut peringkat umur mereka. 3- Didikan yang tidak baik yang diperolehi si ibu daripada kedua ibu bapanya, seseorang yang datang daripada keluarga di mana ahli keluarganya menggunakan kekerasan keatas dirinya, adalah sangat cenderung untuk melakukan perkara yang sama, di mana mereka percaya perkara sedemikian adalah normal seperti yang biasa dilalui olehnya sebelum ini. Menggunakan kekerasan di dalam membesarkan anak-anak adalah tidak diterima oleh shariah sebagaimana Al-Quran membimbing setiap ibu bapa untuk menajar anak-anak di dalam suasana penuh kasih sayang dan kebaikan dan dengan menggunakan kata-kata yang menunjukkan perasaan cinta, kebaikan dan mengambil berat akan mereka. Ini adalah ajaran yang dibawa oleh para Nabi (AS) di dalam membesarkan anak-anak mereka walaupun ada terdapat anak-anak mereka yang degil atau tidak mahu mengikut tunjuk ajar ayahnya; kami mendapat tahu bahawa di dalam perintah Nabi Luqman kepada anak lelakinya, Perintah Nabi Noh terhadap anaknya, dan perintah Nabi Yaakob kepada nabi Yusuf dan saudaranya semuanya mengandungi perkataan (Wahai anakku) disebabkan keistimewaan di dalam ungkapan ini yang tidak wujud di tempat lain (Muhammad, 1990), dan juga didalam hadis yang diriwayatkan Rasulullah (saw) “Sesungguhnya Allah adalah Maha Lembut lagi mencintai kelembutan. Dia memberikan pada sifat kelembutan yang tidak diberikan kepada sifat kekerasan, dan tidak pula diberikannya kepada sifat-sifat lainnya” (HR.Muslim, 2013).

## Masalah keganasan terhadap orang-orang tua di dalam keluarga dan cara untuk menyelesaikannya berpandukan kepada maqasid shariah

Mengabaikan dan melakukan keganasan terhadap orang tua di dalam dunia masa kini boleh dibahagikan kepada beberapa jenis: fizikal, psikologi, emosu, kewangan dan barang-barang. Bentuk keganasan ini terjadi di dalam semua keadaan sosial, ekonomi, etnik and tempat.

Satu kajian telah dijalankan oleh Kementerian Hal Ehwal Sosial Arab Saudi 2006 yang bertajuk “keganasan terhadap orang tua ” menunjukkan peningkatan atas keganasan yang dilakukan terhadap orang tua di dalam masyarakat Saudi, dan penderaan yang paling biasa adalah mengabaikan mereka yang mana purata kepada keadaan tersebut mencapai peratus sebanyak 2.8%, diikuti dengan penderaan fizikal yang mana peratusannya adalah sebanyak 2.49% seperti yang telah dilaporkan oleh surat khabar. Kajian mendedahkan kebanyakan masalah sosial terhadap orang tua adalah kerana: masalah sosial, hubungan yang semakin pudar, kestabilan ekonomi yang tergugat, kehilangan peranan, persaraan, janda, penceraiian masalah tidak mempunyai masa. Tambahan kepada permasalahan ini adalah penjagaan peribadi terhadap kebersihan diri, pakaian, dan makanan. Perkara-perkara tersebut di tambah pual dengan keadaan penjagaan peribadi seperti kebersihan tubuh badan, pakaian dan makan (Arab Saudi: kajian mencadangkan untuk memperjuangkan keganasan ke atas warga emas: [www.lahaonline.com](http://www.lahaonline.com)).

Di dalam kajian yang telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan di Bahrain, definisi menganiaya warga emas telah dikenalpasti, dan telah dibahagikan kepada beberapa bahagian:

**Penderaan fizikal:** merupakan suatu bentuk kekerasan yang akan menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa, sebagai contoh kekurangan makanan, pakaian, kekurangan penjagaan peribadi dan kehilangan kasih sayang. Penggunaan kekerasan dan paksaan adalah dianggap sebagai salah satu perkara yang sangat menonjol di dalam penderaan fizikal ini.

**Penderaan emosi:** termasuklah memalukan mereka, membuli, mengugut, menaikkan suara dan pengabaian terhadap emosi mereka.

**Gangguan fizikal:** penghapusan dana dan harta serta perbelanjaan harian tanpa mendapat persetujuan daripada mangsa.

**Penderaan sexual:** Gangguan sexual, paksaan untuk melakukan hubungan kelamin tanpa kebenaran daripada mangsa (Penganiayaan terhadap warga emas, laman web Kementerian Kesihatan di negara Bahrain: [www.moh.gov.bh](http://www.moh.gov.bh)).

Keganasan terhadap warga emas adalah berbeza jika dibandingkan dengan keganasan yang dilakukan terhadap wanita atau kanak-kanak kerana ianya akan meninggalkan kesan yang kekal terhadap fizikal dan psikologi mereka. Kesan terkejut daripada kejadian tersebut akan menyebabkan mereka berasa takut dan malu menolak untuk mencari pertolongan (Laporan daripada Second World Assembly on Ageing. Madrid, 8-12 April 2002, United Nations), atau membuat aduan. Maka, mengikut pemerhatian, warga emas terdedah untuk diserang berulang kali yang mana lebih banyak daripada yang dilaporkan oleh statistic rasmi.

## Masalah keganasan terhadap orang tua dan cara untuk menyelesaikannya di dalam pandangan maqasid shariah

Kejadian yang amat memalukan iaitu keganasan terhadap warga emas dilakukan oleh orang-orang yang rapat dengan mereka, kami mendapat tahu bahawa sesetengah anak telah hilang sifat kemanusiaan di dalam diri mereka dan mereka terlibat dalam melakukan banyak jenis kekerasan terhadap keluarga mereka sendiri, termasuklah:

- Masalah buli yang bermula hanya dari lisan dan berakhir dengan pukulan. Jenis keganasan ini akan menyakiti warga emas dan merosakkan moral mereka, yang mana agak kurang stabil disebabkan oleh factor umur. Penyesalan ke atas perkara ini adalah seseorang itu haruslah mempunyai perasaan takut (swt), dan mengekalkan kemuliaan maruah manusia, terutamanya orang yang rapat dengan mereka dan tidak mencemarkan maruah mereka sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Allah (swt) untuk semua umat manusia di mana Allah telah berfirman: (Dan sesungguhnya kami telah memuliakan anak-anak Adam.) (Qur'an, Isra'i, 70: 17). Dan salah satu daripada shariah adalah untuk mengekalkan kemuliaan maruah seseorang manusia; yang mana ianya adalah tidak tertakluk kepada jantina ataupun umur, malah ia lebih menekankan kepada warga emas, Demi untuk memastikan masyarakat islam mengekalkan kekuatan dan integritinya. Rasulullah (saw) bersabda: “Bukanlah seorang dari kalangan kita mereka yang tidak menghormati orang yang lebih tua dan tidak mengasihani orang yang lebih muda” (Tirmidhi, 1999).
- Menghantar warga emas ke rumah penjagaan orang-orang tua tanpa sebarang perasaan kasihan belas ehsan terhadap mereka. Penyelesaiannya adalah untuk mengingati kata-kata Allah (swt) di dalam Al-Quran: (“Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia, dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapamu. Jika salah seorang diantara keduanya atau kedua-duanya berusia lanjut dalam pemeliharaanmu, maka sekali-kali janganlah engkau mengatakan kepada keduanya perkataan ‘ah’ dan janganlah engkau membentak keduanya, dan ucapkanlah kepada keduanya, dan ucapkanlah kepada keduanya perkataan yang baik.”) (Qur'an, Isra'i, 23:17). Islam tidak membenarkan menghantar kedua ibu bapa ke rumah penjagaan orang-orang tua melainkan mereka tidak mempunyai anak atau saudara-mara yang lain. Allah (swt) memerintahkan kita untuk melakukan kebaikan kepada kedua ibu bapa kita sepanjang masa, terutamanya di usia tua mereka, kerana mereka memerlukan penjagaan yang lebih rapi.

## Masalah keganasan terhadap orang gaji dan penyelesaiannya berpedoman kepada maqasid syariah

Antara keganasan yang berlaku di dalam kalangan sesebuah keluarga adalah keganasan terhadap orang gaji, yang mana berbentuk ejekan yang melampaui batas dan juga memukul sehinggalah kepada melakukan pembunuhan. Menafikan hak-hak orang gaji dan melakukan kekasaran terhadap mereka adalah merupakan suatu isu yang disahkan oleh kajian yang dijalankan oleh Human Rights Watch, yang mana baru-baru ini mengeluarkan laporan tentang pengkhianatan terhadap hak-hak orang gaji yang tergolong dalam kalangan warga asing di, Saudi Arabia, Kuwait dan U.A.E. Satu temuduga telah dijalankan bagi 170 orang responden di Sri Lanka yang bekerja sebagai orang gaji. Keputusan yang diperolehi menunjukkan keganasan terhadap orang gaji bermula daripada ejekan yang dilakukan secara lisan sehingga mencapai tahap penderaaran, dipukul dan juga dirogol. Laporan menunjukkan bahawa sekatan kepada kebebasan, dan kadar gaji mereka merupakan pengkhianatan yang berada di tangga teratas (Kuwait Encyclopedia of Jurisprudence, 1983). Kesengsaraan yang dilalui oleh orang-orang gaji diburukkan lagi apabila ianya mencapai tahap yang membahayakan sehingga ianya memerlukan perhatian seperti yang disebutkan oleh Perunding Psikologi Dr. Taher Shaltout: yang mana mengakui bahawa aduan terhadap penderaaran lisan dan fizikal lebih banyak datang daripada kaum wanita berbanding kaum lelaki. Hal ini adalah kerana pergaulan di antara orang gaji dan ibu kepada sesebuah keluarga adalah lebih kerap berbanding ahli keluarga yang lainnya. Hal ini juga berlaku mungkin disebabkan oleh perasaan seseorang wanita yang mana orang gaji tersebut telah menjalankan sesuatu tanggungjawab yang mana dia seharusnya lakukan dan seterusnya menyebabkan dia memendam perasaan cemburu yang mana dikenalpasti sebagai tindakan impulsif dan neurologi daripada seseorang majikan perempuan terhadap orang gaji (Nasha'at Amin, Violence against maids raises questions: [www.amanjordan.org](http://www.amanjordan.org)).

## Penyelesaian terhadap keganasan terhadap orang gaji di dalam pandangan maqasid syariah

Kami akan menjelaskan penyelesaian yang paling penting untuk keganasan terhadap orang gaji, antaranya adalah:

**Pertama:** untuk berasa takut kepada Allah samada secara nyata atau sembunyi, dan haruslah sedar bahawa Allah maha melihat segala tindakan dan kata-katanya, dan akan dihitung di hari pembalasan kelak; di a seharusnya tidka menggunakan kekerasan, penderaaran, dan memukul orang gaji: perasaan takut akan Allah menjadikan seseorang itu lebih dekat denganNya; dan seseorang itu haruslah sentiasa ingat bahawa kekuasaan Allah itu mengatasi segala-galanya; dan hati akan disucikan dan dijauhkan dari sebarang ketidakadilan, dan membawa semangat toleransi dan perassan ikhlas dan cinta diantara mereka dan moral yang baik seperti yang telah disarankan oleh syariah. Telah diceritakan oleh Jabir daripada Rasulullah (saw) bersabda: “Sesungguhnya orang yang paling aku cintai di antara kalian dan yang paling dekat kedudukannya denganku di hari kiamat kelak adalah yang terbaik akhlaknya. Dan yang paling aku benci dan paling jauh dariku pada hari kiamat kelak adalah orang banyak berbicara yang sombong” (Tirmidhi, 1999).

**Kedua:** Terdapat unjuran untuk seseorang itu berurusan dengan orang gaji mereka dengan penuh kehormatan dan kasih sayang terhadap orang gaji mereka. Rasulullah (saw) bersabda: “barangsiapa yang mempunyai saudara di bawah asuhannya maka harus baginya diberi makan seperti apa yang dimakannya (sendiri) dan memberi pakaian seperti apa yang dipakainya (sendiri) , dan tidak membebarkannya dengan tugas seperti itu, maka hendaklah membantu mereka (mengerjakannya)” (Ibn Hajar, 2001). Kita boleh melihat contoh yang sangat baik di dalam kehidupan Rasulullah (saw) dalam perkara ini, Anas berkata: Aku telah berkerja dengan Rasulullah (saw) selama bertahun-tahun dan Dia tidak bertanya apa yang aku kerjakan. Dan tidak juga menegur apa-apa yang aku lakukan” (Muslim, 2013). Islam memerintahkan kita untuk berurusan dengan orang gaji menggunakan cara yang baik. Islam juga menggesa kita untuk merendah diri dengan semua umat manusia dan mengelak dari bersikap angkuh.

**ketiga:** Tujuan syariah adalah berlandaskan kepada belas kasihan dan sikap saling bertolak ansur. Rasulullah (saw) bersabda: “Orang yang bersifat kasihan, dikasihani oleh Allah (swt) Yang Maha Mengasihani. Oleh itu kasihanilah apa yang ada dibumi, nescaya yang dilangit akan mengasihani kamu, hubungan kekeluargaan aalah daripada Allah yang maha mengasihani, barangsiapa yang menyambungkannya akan menyambungkannya kepadaku , dan barangsiapa yang memutuskannya akan memutuskannya kepadaku (Tirmidhi, 1999).

## Langkah umum kea arah menghalang keganasan rumah tangga

Terdapat banyak cara untuk menghalang keganasan rumah tangga, di bawah ini adalah sebahagian daripadanya:

- Tanggungjawab terhadap ajaran Islam dan penggunaannya di dalam kehidupan berkeluarga, bermula daripada pemilihan pasangan, atau membesarkan anak-anak dan menguruskan mereka dan mengajar mereka cara untuk menghormati ibu bapa, juga menjadikan agama Islam sebagai asas kepada kehidupan dan bukan hanya untuk upacara keagamaan sahaja. Terdapat tuntutan untuk menjelaskan kepada umum akan tujuan syariah daripada ayat-ayat al- Quran dan hadis yang menyebutkan tentangf memukul isteri tetapi tidak mendera mereka diatas nama Islam. Diceritakan oleh Aisyah bahawa Rasulullah (saw) bersabda: “Wahai Aisyah Allah itu maha lembut dan mencintai kelembutan. Allah memberi kepada kelembutan hal-halyang tidak diberikan kepada kekerasan dan sifat-sifat lainnya (Muslim, 2013). Abu Hamid Ghazali berkata: Ketahuilah bahawa kelembutan adalah sifat terpuji dan ianya adalah bertentangan dengan keganasan, dan kekasaran dan kekerasan adalah kesan daripada kemarahan, dan kelembutan serta kesenangan adalah kesan daripada amalan yang baik dan ketenangan, and penyebab kepada perasaan tamak dan penguasaannya terhadap seseorang menghalang mereka daripada berfikir secara logik, kelembutan adalah kesan daripada kebaikan dan amal soleh yang hanya akan diperolehi dengan mengawal kemarahan dan nafsu, dan itu adalah merupakan sebab kenapa Rasulullah (saw) memuji sifat kelembutan dengan bersabda: “Wahai Aisyah barangsiapa yang mempunyai sifat lembut,maka dia akan diberikan kebaikan di dunia dan di akhirat dan sebaliknya”. Rasulullah(saw) juga bersabda: “Apabila Allah inginkan kebaikan kepada sebuah rumah tangga, maka diberiNya kelembutan kepada mereka”. Baginda juga bersabda: “Sifat terpuji ada diantara kekerasan dan kelembutan seperti kebaikan-kebaikan



yang lainnya, tetapi kerana sifat semulajadi lebih kepada kekerasan, maka di situlah gesaan untuk lebih menggunakan kelembutan adalah lebih banyak. Shariah memuji-muji sifat kelembutan berulang-ulang kali tetapi tidak terhadap kekasaran, walaupun kekasaran mungkin boleh jadi baik di sesuatu tempat sepertimana kelembutan baik pada tempatnya. (Ridha, 1999).

- Saling menghormati pasangan masing-masing dengan menggunakan perkataan yang baik kerana perkataan positif mempunyai kesan yang mendalam terhadap psikologi manusia, dan Allah (swt) memerintahkan hamba-hambanya yang beriman untuk mengucapkan perkataan yang baik dan lembut setiap masa Allah (swt) berfirman: (Dan katakanlah kepada hamba-hamba Ku: “ Hendaklah mereka mengucapkan perkara yang lebih baik (benar). Sesungguhnya syaitan itu menimbulkan perselisihan di antara mereka . Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagi manusia. (Qur’an, Isra’i, 53:17). Mengucapkan perkataan-perkataan yang baik di dalam semua keadaan demi untuk mengelakkan syaitan merosakkan hubungan di antara mereka; syaitan merosakkan hubungan di antara pasangan dengan perkataan-perkataan yang kasar di mana dia (syaitan) mencari kebohongan dan kata-kata fitnah dan untuk menyebarkan permusuhan dan kebencian; dan perkataan-perkataan yang baik menghalang berlakunya fitnah dan menghalang kebencian serta permusuhan (Fa’iz, 1992).
- Menugubah persepsi dan pandangan terhadap keganasan. Hal ini tidak hanya terhad kepada mangsa sahaja, tetapi juga melibatkan pesalah untuk memaklumkan mereka akan tahap keganasan terhadap mangsa, dan menolong mereka untuk menahan diri daripada melakukan sesuatu perkara dan untuk tidak mengulanginya. Perkara ini mungkin memerlukan khidmat bantuan daripada pakar runding, ahli psikologi dan pekerja social demi untuk menolong individu daripada keluarga yang menggunakan keganasan secara berleluasa.

Islam telah menetapkan hudud dan hukuman demi untuk memastikan keharmonian kepada individu dan masyarakat. Dan Islam juga telah mengenalpasti cara yang harus di jauhi oleh orang-orang Muslim kerana boleh menyebabkan keburukan ke atas diri mereka ataupun orang lain, di bawah ini adalah sebahagian darinya:

- Memudahkan prosedur di dalam tindakan undang-undang demi untuk memudahkannya tanpa prejudis di dalam tempoh percubaan. Terdapat juga keperluan untuk mengetatkan peraturan untuk hukuman, mengambilkira kepentingan individu dan juga kepentingan masyarakat.
- Mewujudkan peranan juru damai, mengikut firman (swt): (Dan jika kamu khawatir terjadi persengketaan di antara keduanya, maka kirimkanlah hakam (juru damai) dari keluarga laki-laki dan seorang hakam dari keluarga perempuan. Jika kedua orang hakam itu bermaksud mengadakan perbaikan, nescaya Allah memberikan taufik kepada suami-isteri itu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha teliti) (Qur’an, Nisa’i, 35:5), kerana juru damai melihat kepada pertikaian lebih menyeluruh berbanding dengan hakim. Hakim berpegang sepenuhnya kepada bukti manakala juru damai pula cuba untuk mendamaikan melalui banyak cara, dan sekiranya mereka mendapati tidak dapat melakukannya maka mereka akan membuat keputusan ke atas perkahwinan berdasarkan kepada penilaian mereka, terutamanya apabila mereka adalah merupakan orang yang rapat dengan pasangan suami isteri itu (Abdul Salam, 1996).
- Menggalakkan mangsa untuk membuat aduan terhadap pesalah, kerana terdapat banyak pihak mempercayai bahawa membuat laporan polis adalah cara utama untuk mengurangkan penyebaran jenayah dan kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan pesalah berterusan melakukan jenayah.
- Kewujudan Institusi-institusi social Islam dalam mencari isu-isu keganasan rumah tangga, dan mencari nombor telefon institusi yang mana akan menyediakan perkhidmatan memberikan nasihat dan bantuan. Tugas pertubuhan seperti ini adalah untuk memberikan perhatian kepada mangsa dan mencuba untuk memulihkan kehidupan sosial mereka selepas kejadian tersebut, dan untuk mengurangkan kesengsaraan mereka dari segi fizikal, psikologi dan ekonomi. Hal seperti ini adalah sangat diperlukan oleh mereka, terutamanya dengan kewujudan beberapa persatuan bukan Islam yang cuba menggunakan pendekatan ini untuk menyerongkan maruah masyarakat Islam dan untuk mengeksploitasi kes-kes keganasan demi untuk membuktikan ketidakadilan di dalam Islam dan keganasan terhadap hak-hak wanita dengan memberikan penekanan ke atas syarat yang membenarkan untuk suami memukul isteri (Tha’alaby, 1997).
- Tapisan di media, amat jelas terbukti bahawa apa yang dipaparkan oleh media membawa peranan yang sangat penting dalam menyebarkan isu keganasan, and this control may require inter alia some issues that include: menonjolkan keganasan rumah tangga beserta dengan bukti, mendidik keluarga dengan kesan psikologi dan sosial yang negatif terhadap masyarakat dan individu, dan melatih diri untuk menguruskan masalah di dalam keluarga dengan mencari tahu sebab yang akan membawa kepada keganasan dan pada masa yang sama berusaha mencari jalan untuk mengelakkannya daripada terjadi.
- Melakukan sesuatu untuk mengelakkan daripada terjadinya keganasan rumah tangga, seperti kerang adil terhadap isteri-isteri dalam kehidupan berpoligami, membenarkan penglibatan ibu bapa dan saudara-mara di dalam menentukan kehidupan berumah tangga untuk anak-anak dan saudara-mara, dan perkara-berkata tersebut adalah merupakan perkara yang biasamsebelum memulakan kehidupan berumah tangga, seperti mencari jodoh yang sesuai, dan tidak memaksa pasangan menikahi seseorang yang mereka tidak cintai, dan mengelak daripada tinggal di rumah keluarga masing-masing kecuali sekiranya terdapat keperluan, dan mengambilkira keadaan anak-anak di usia remaja yang mempunyai perubahan hormone yang akan memberikan kesan kepada anak-anak sama ada dalam keadaan fizikal, intelek dan juga emosi mereka. Di dalam semua kes, adalah sangat diutamakan untuk merujuk kepada orang-orang yang mempunyai kepakaran untuk bertanyakan tentang hal-hal perkahwinan dan penceraian. Menyebarkan adat dan budaya yang diperlukan tentang kehidupan di dalam perkahwinan sebelum dan selepas berumah tangga akan membantu untuk menangani masalah keganasan rumah tangga yang dihadapi oleh orang-orang Muslim masyarakat di dalam era yang serba moden ini. (Tha’alaby, 1997).

- Menubuhkan institusi yang mempunyai kepakaran untuk menyediakan latihan praktikal untuk mereka yang merancang untuk berkahwin dengan mendedahkan mereka untuk menyelesaikan masalah-masalah di dalam keluarga, dan juga kajian yang menunjukkan penggunaan kegunaan di dalam keluarga yang jelas sekali bertentangan dengan tujuan Shariah yang berasaskan kepada perassan belas kasihan dan saling bertolak ansur sesama pasangan.

## PENUTUP

Selepas menjalankan kajian ini, saya dengan rendah dirinya telah mengenalpasti bahawa saya mencapai keputusan seperti yang di bawah:

**Pertama:** kajian menunjukkan bahawa kedua-dua suami dan isteri seharusnya menghormati hak dan menjalankan tanggungjawab mereka, dan hal ini akan memastikan kebahagiaan dan kasih sayang diantara mereka.

**Kedua:** Shariah telah datang untuk memastikan came to kesinambungan kehidupan manusia di dunia dan diakhirah; oleh yang demikian, sesebuah keluarga haruslah mengamalkan cara ini di dalam insititusi kekeluargaan mereka.

**Ketiga:** Wanita yang bekerja adalah dibenarkan oleh Shariah, tetapi dengan beberapa syarat dan panduan yang harus dipenuhi.

**Keempat:** Adalah dibolehkan untuk suami menghalang isterinya daripada bekerja sekiranya isteri tersebut mengabaikan tanggungjawabnya, ataupun pekerjaan tersebut adalah memberikan kemudahan kepada suaminya.

**Kelima:** Islam menekankan ke atas pemeliharaan maruah manusia, dan menjauhkan diri daripada sebarang kegunaan dalam apa jua bentuk ke atas setiap ahli keluarga, dan ia mengarahkan kita untuk menjaga jiwa, dan mengelak daripada melakukan sesuatu yang bertentangan dengannya.

**Keenam:** Kajian menunjukkan bahawa memukul wanita yang tidak taat adalah merupakan jalan yang terakhir, selepas menasihati mereka dan juga setelah melakukan pengasingan di tempat tidur, dan pukulan tersebut haruslah tidak melebihi-lebih.

## RUJUKAN

The Holy Qur'an

Abdul Salam. Izuuddin Abdul Aziz. 1996. Al-Fawa'id fihktisar al-Maqasid. Iyad Khalid. 1<sup>st</sup> Ed. Damascus: Dar al-Fikr.

Abu Shaqqah. Abdul Halim. 2009. Tahreet al-Mar'ah Fi asr al-Islam. 7<sup>th</sup> Ed. Kuwait: Dar al-Qalam.

Abu Shamah. Abbas Al-Amin Muhammad. 2005. Domestic Violence in the shade of Globalisation. 2<sup>nd</sup> Ed. Riyadh: Maktabat Malik Fahad al-Wataniyyah.

Afanah. Husamuddin bin Musa. 2007. Fatawa Yas'alunaka. 1<sup>st</sup> Ed. Beirut: Dal al-Ma'arifah.

Baihaqi. Ahmad bi Husain. 2003. Shu'abul Iman. Abdul Aliyy Abdul Hamid. 1<sup>st</sup> Ed. Riyadh: Maktabat ar-Rushd.

Fa'iz. Ahmad. 1992. Family Constitution in the shade of the Qur'an. 1<sup>st</sup> Ed. Beirut: Rislah Foundation.

Hanbal. Ahmad bin Muhammad. 2001. Musnad Ahmad bin Hanbal. Shu'aib Arnaut. Adil Murshid. 1<sup>st</sup> Ed. Beirut: Risalah foundation.

Ibn Hajar. Ahmad bin Ali. 2001. Fath al-Bari Sharh Sahih Bukhari. Beirut: Dal al-Ma'arifah.

Ibn Manzur. Muhammad Mukram. 1994. Lisan al-Arab. 3<sup>rd</sup> Ed. Beirut: Dar Sadir.

Ibn Qayyim al-Jauziyyah, Muhammad bin Abi Bakar. 1983. Raudhat al-Muhibbin Wa nuzhat al-Mushtaqin. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Kuwait Encyclopedia of Jurisprudence. 1983. 2<sup>nd</sup> Ed. Publication of Kuwait Ministry of Awqaf and Islamic Affairs.

Muhammad. Atif Ghaith. 1990. Qamus ilm al-Ijtima. Cairo: Dar al-Ma'arifah al-Jami'iyyah.

Muslim. Abul Hasan Muslim bin Hajjaj Al-Qushairi An-Naisaboriiyu. Sahih Muslim. Muhammad Fu'ad Abdul Baqi. 2013. Beirut: Dar Ihya at-Thurath al-Araby.

Qara Dagi. Ali Muhyiddin. Domestic Violence, its effects and prevention against it. 2011. Doha: Dar ath-Thaqafah.

Razi. Zainuddin Muhammad bin Abi Bakar. 1999. Mukhtar as-Sihah. Yusuf as-Sheikh. 5<sup>th</sup> Ed. Beirut: Al-Maktabah al-Asriyyah.

Ridha. Muhammad Rashid. 1999. Tafsir al-Manar. 1<sup>st</sup> Ed. Lebanon: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Tirmidhi. Muhammad bin Isa. 1999. Sunan at Tirmidhi. Ahmad Muhammad Shakir, 2<sup>nd</sup> Ed. Egypt: Mustafal Babi Al-Halaby.

Tha'alaby. Abdur Rahman bin Muhammad Makhluif. 1997. Aljawahir al-Hassan fi tafsir al-Qur'an. Muhammad Mu'awwad. Adil Abdul Maujud. 1<sup>st</sup> Ed. Beirut: Dar Ihya turath al-Araby.

Turaif. Shauqi Muhammad Faraj. Violence in Egyptian Family. 2005. Cairo: Dar ath-Thaqafah.

## Websites:

Saudi Arabia: Study urges confrontation of violence against the elderly, [www.lahaonline.com](http://www.lahaonline.com)

Maltreatment of the elderly, [www.moh.gov.bh](http://www.moh.gov.bh)

Suzan Mashhadi, Causes of women violence, [www.alarabiya.net](http://www.alarabiya.net)

BBC Channel in Arabic, 21 September, 2007, <http://news.bbc.co.uk/hi/arabic/news>

Nasha'at Amin, Violence against maids raises questions, [www.amanjordan.org](http://www.amanjordan.org)